

BAB I

PENDAHULUAN

1. Latar Belakang Kajian

Karya keagamaan ulama Nusantara pada awal kedatangan Islam didominasi oleh karya-karya dalam bidang tasawuf, fiqh dan aqidah. Disebabkan oleh keadaan sosial masyarakat yang baru mengenali Islam, maka tidak hairanlah apabila tasawuf diterima dan disukai oleh masyarakat. Tambahan pula, budaya-budaya mistik masih berakar umbi dalam kalangan mereka. Manakala karya keagamaan dalam bidang hadith, sukar untuk ditemui.

Istilah *ÍadÊth*, muncul setelah wafatnya Rasulullah. Ia bermaksud segala sesuatu yang bersumber dari Rasulullah SAW berupa perkataan, perbuatan, *taqrÊr* (ketetapan), sifat *khuluqiyyah* (akhlak) atau *khalqiyyah* (fizikal), serta sirah beliau sebelum dan sesudah kenabian.¹ Sebenarnya, hadith telah dijadikan sebagai dasar utama dalam karya-karya ulama Nusantara sama ada dalam bidang fiqh mahupun aqidah atau tasawuf. Tetapi karya khas dalam bidang tersebut belum ada lagi. Kecuali pada abad XVII ketika Islam di Nusantara berada dipuncak kejayaan dan tersebar luas dalam kalangan masyarakat.

Abad XVII adalah abad dimana Islam telah berdiri teguh di wilayah Aceh. Dimulai dengan wujudnya kerajaan Aceh Darussalam yang seterusnya menjadi pusat keilmuan Islam di Asia Tenggara.² Di sana telah munculnya ulama-ulama besar, antaranya Abd al-Ra'uf al-Singkili. (Selanjutnya disebut Al-Singkili). Beliau adalah

¹ Mana' al-KhalÊl al-QaÏÊn (1987) *MabÊÍÊth fÊ 'UlÊm al-×adÊth*, (t.t.p); Maktabah WahÊbiyyah, hal. 7. Bandingkan dengan SubÊi al-ØÊlÊÍ (1973) *'UlÊm al-×adÊth wa MuÏÏalalahu*, Beirut; DÊr al-'IlmÊ li al-MalÊyÊn, h. 3.

² A. Hasjmy (1980), Banda Aceh Darussalam Pusat Kegiatan Ilmu dan Kebudayaan, dalam Ismail Suni (ed.) *Bunga Rampai Tentang Aceh*, Jakarta: Penerbit Bathara Karya Aksara, h. 205.

salah satu daripada ulama yang terkenal pada masa tersebut. Beliau hidup tahun 1615 - 1693 M. Ketika itu kontroversi doktrin *Wuj'Ediyyah* hebat diperbincangkan.

Perdebatan berkaitan dengan doktrin *Wuj'Ediyyah* pada ketika itu telah dikemukakan oleh Nuruddin al-Raniri. Beliau telah menyatakan bahawa fahaman *Wuj'Ediyyah* yang diajarkan oleh Hamzah Fansuri adalah sesat dan menyesatkan. Maka pengikut ajaran tersebut telah dianggap masuk ke dalam golongan kafir dan zindiq. Oleh kerana hebatnya perselisihan yang berlaku, maka peristiwa pembakaran karya-karya mistis Hamzah Fansuri dan Samsudin Al-Sumatrani telah berlaku, bahkan pembunuhan ke atas pengikut ajaran tersebut tidak dapat dihindari lagi.³

Melihat kepada fenomena yang telah berlaku dan untuk mengurangi ketegangan akibat perselisihan tersebut maka Al-Singkili - sebagai *Al-QÉÌi al-MÉlik al-'Ódil* - yang berada semasa kontroversi doktrin *Wuj'Ediyyah* tersebut bersikap berdiam diri dan tidak memihak kepada mana-mana puak tertentu. Dengan kedalaman ilmu yang beliau ada, maka beliau cuba mencari punca kepada munculnya perselisihan tersebut. Disamping itu, beliau juga cuba mentafsirkan kembali teori *Wuj'Ediyyah* - yang berakar dari ajaran Ibn Arabi - tersebut agar diterima oleh seluruh ulama dan masyarakat.⁴

Berbekalkan semangat dan sokongan dari pihak kerajaan, Al-Singkili mulai menulis ilmu beliau dalam karya-karya keagamaan. Pengetahuan beliau dalam pelbagai disiplin ilmu Islam mendorong untuk menghasilkan karya dalam pelbagai bidang keIslaman. Mulai daripada bidang fiqh, tasawwuf, aqidah, tafsir dan juga hadith.

Pembabitan beliau dalam bidang hadith bermula sejak beliau belajar dan berinteraksi dengan jaringan ulama Timur Tengah. Iaitu ketika beliau singgah di

³ Zakaria Ahmad (t.t.) *Sekitar Keradjaan Atjeh dalam tahun 1520-1675*, Medan; Penerbit Monora, h.115.

⁴ Bandingkan, Abdul Rahman Haji Abdullah (1990) *Pemikiran Umat Islam di Nusantara; Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 160.

beberapa pusat keilmuan Islam antara Yaman dan Makkah. Maka tidak hairanlah apabila beliau juga telah menghasilkan dua karya dalam bidang hadith.⁵ Karya beliau yang pertama merupakan penjelasan tentang 40 hadith karya Al-Nawawi. Manakala karya yang kedua adalah kumpulan hadith-hadith *qudsĒ*. Dua karya tersebut telah membuktikan betapa luasnya pengetahuan Al-Singkili.

Karya hadith Al-Singkili merupakan karya terawal dalam bidang hadith yang dihasilkan oleh ulama Nusantara. Karya beliau tidak sekadar menyokong fahaman tasawufnya, malah telah memperkenalkan bidang hadith ini kepada masyarakat. Salah satu dari dua karyanya dalam bidang hadith akan dijadikan sebagai sumber kajian. Karya tersebut adalah karya yang menghimpunkan hadith-hadith *qudsĒ*. Nama kitab tersebut adalah *MawĒ 'iĎ al-BadĒ'* (Segala Pengajaran yang Indah-indah).

Karya yang telah menghimpunkan hadith-hadith *qudsĒ* ini, walaupun merupakan karya hadith terawal yang beliau hasilkan, namun telah menunjukkan ketinggian keilmuan Al-Singkili. Tambahan pula, pemilihan terhadap hadith-hadith tersebut telah dilakukan sendiri oleh Al-Singkili. Berbeza pula dengan karya hadithnya, iaitu *SharĒ LaĒĒf 'alĒ Arba'Ēna ×adĒthan lĒ al-ImĒm al-NawĒwĒ'* yang merupakan huraian terhadap karya al-Nawawi. Oleh yang demikian karya *MawĒ 'iĎ al-BadĒ'* sangat menarik untuk dikaji.

Perkara menarik mengenai naskhah *MawĒ 'iĎ Al-BadĒ'* ini, selain telah diterbitkan di Makkah ianya juga telah diterbitkan di Pulau Pinang. Penerbitan tersebut diterbitkan bersama karya *Muhimmah pada ilmu Hadith Nabi SAW* oleh Sheikh Abdullah bin Abdul Rahim Fatani. Naskhah *MawĒ 'iĎ Al-BadĒ'* diletakkan dibahagian akhir karya tersebut. Walaupun demikian, manuskrip *MawĒ 'iĎ Al-BadĒ'* – seperti yang

⁵ Lihat, Harun Nasution *et.al.* (1992) *Ensiklopedi Islam Indonesia*, Djakarta; Penerbit Djembatan, h. 31.

tercatat dalam katalog – masih tersimpan di beberapa pusat manuskrip di Asia dan Eropah.

Perpustakaan Negara Malaysia memiliki koleksi yang paling banyak iaitu sebanyak 12 naskhah. Kemudian Muzium Negeri Aceh memiliki 5 naskhah. Perpustakaan Nasional Republik Indonesia 3 naskhah. Manakala Perpustakaan Yayasan Ali Hasjmy Aceh, Perpustakaan Universiti Leiden dan von de Wall masing-masing memiliki 1 naskhah. Oleh yang demikian, mengkaji naskhah *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* yang merupakan khazanah intelektual muslim Asia Tenggara Abad XVII perlu dilakukan. Memikirkan bahawa karya tersebut merupakan salah satu bentuk warisan kuno yang perlu dilestarikan dan digali isi kandungannya, maka tajuk penyelidikan ini adalah: **SUMBANGAN ABDUL RA’UF AL-SINGKILI DALAM BIDANG HADITH: ANALISIS TEKS PILIHAN AL-MAWÓ‘IÚ AL-BADÔ‘AH.**

2. Permasalahan Kajian

Daripada beberapa pengamatan sebagaimana di atas, beberapa perkara yang menarik untuk diteliti secara lebih mendalam, antaranya;

1. Sejauh manakah sumbangan Al-Singkili dalam bidang hadith?
2. Bagaimanakah hakikat karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*?
3. Bagaimanakah metodologi penyusunan karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* dan penulisan hadithnya?
4. Naskhah *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* yang mana satukah yang merupakan naskhah terbaik?

3. Objektif Kajian

Daripada beberapa masalah di atas, penelitian ini diharapkan mampu mencapai dan memenuhi beberapa tujuan dan objektif tertentu, antaranya;

1. Mengetahui sejauh mana sumbangan Al-Singkili dalam bidang hadith.
2. Memastikan nisbah karya *MawÉ‘iD al-BadÉ’* kepada Al-Singkili.
3. Mengetahui metodologi penyusunan karya *MawÉ‘iD al-BadÉ’* dan penulisan hadithnya.
4. Menyediakan edisi kritikal naskhah *MawÉ‘iD al-BadÉ’* karya al-Singkili.

4. Skop Kajian

Kajian ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama tentang ketokohan Al-Singkili dan sumbangannya dalam bidang hadith. Ketokohan akan membincangkan tentang riwayat hidup, riwayat pendidikan dan karya-karya beliau. Manakala sumbangannya dalam bidang hadith pula akan membincangkan tentang sumbangan beliau dalam bidang hadith riwayat atau penulisan hadith. Sorotan perbahasan pada bahagian ini adalah pandangan Al-Singkili tentang hadith dan karyanya dalam bidang hadith.

Bahagian kedua pula ialah *tahqiq al-nusus*. Beberapa aspek yang akan dibincangkan pada bahagian ini adalah tentang kebenaran nisbah karya *MawÉ‘iD al-BadÉ’* kepada Al-Singkili, kaedah penyusunan karya *MawÉ‘iD al-BadÉ’* dan penulisan hadithnya dan menyediakan edisi kritikal teks jawi pilihan *MawÉ‘iD al-BadÉ’*. Edisi kritikal teks jawi *MawÉ‘iD Al-BadÉ’* akan disiapkan dari pengajaran pertama sehingga pengajaran yang kedua puluh lima daripada lima puluh pengajaran yang ada.

4. Kepentingan Kajian

Kajian ini sangat penting bagi membuktikan bahwa pengajian hadith khususnya dalam penghasilan karya di nusantara telah wujud sejak abad ke XVII. Karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* merupakan karya yang telah dihasilkan oleh Al-Singkili dalam bidang hadith. Keupayaan meneliti sumbangan beliau dalam bidang hadith serta meneliti metodologi karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* merupakan sesuatu yang sangat bermanfaat.

1. Menyumbang maklumat ilmiah yang berkaitan dengan sumbangan Al-Singkili dalam pengajian hadith dan kaedah penyusunan karyanya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* dan penulisan hadith di dalamnya.
2. Menjadi informasi yang berilmiah berkaitan dengan karakteristik karya hadith nusantara.
3. Menyumbangkan karya Al-Singkili dalam bidang hadith supaya boleh menjadi tatapan umum.

5. Kajian Lepas

Kehadiran Al-Singkili pasca konflik doktrin *Wujudiyah* merupakan suatu anugerah. Kepakarannya dalam bidang agama hasil daripada kembara ilmunya telah mampu meredakan ketegangan konflik tersebut. Pemikirannya yang tidak memihak kepada mana-mana kumpulan tertentu dan keupayaannya dalam menafsirkan kembali doktrin *Wujudiyah* secara halus dan mendalam telah mempengaruhi masyarakat sehingga yang pemikirannya ortodoks sekalipun. Maka, tidak hairanlah apabila banyak pihak yang cuba meneliti kembali pemikirannya yang masih boleh dilihat dan dikenalpasti melalui karya-karyanya.

Seperti Atiek Fariza dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Tarikat Syathariah di Kraton Kanoman Cirebon*. Tesis tersebut bertujuan untuk mendapatkan ijazah strata satu (S1) pada Fakultas Sastra Universitas Indonesia (UI) tahun (1989). Pada tahun 1995 di fakulti dan institusi yang sama, Rahmah Kurniawaty menulis kertas kerja yang bertajuk *Tasawwuf Abd al-Ra'uf Singkel*. Kajian yang dilakukan nampaknya masih bersifat umum. Sangat berbeza dengan penyelidikan yang dilakukan DA Rinkes dalam disertasinya yang bertajuk *Abdoerraof van Sinkel; bijdrage tot de kennis van de mystiek op Sumatra en Java* (Abdurrauf Singkel; Sumbangan untuk Mengetahui Mistik di Sumatera dan Jawa). Penyelidikan tersebut dikemukakan bagi mendapatkan Ijazah Doktor Ilmu Bahasa dan Kesusasteraan Universiti Kerajaan Belanda (1909). Dalam kajian tersebut, didedahkan mistik al-Singkili dengan terperinci, berdasarkan maklumat yang dikutip daripada karya-karya beliau.

Selain itu, kajian terhadap karya al-Singkili dilakukan oleh Peunoh Daly pada tahun 1982 yang mana telah meneliti karya Al-Singkili untuk tesisnya pada Fakultas Syari'ah IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Tesis tersebut bertajuk *Hukum Nikah, Ûalak, RujË', Hañanah dan Nafkah Kerabat dalam Naskhah Mir'at At-Thullab Karya Syeikh Abdur Rauf Singkel; Studi Perbandingan Hukum menurut Ahlu Sunnah Wal Jamaah*. Kajian tersebut dilakukan terhadap karya Al-Singkili dalam bidang fiqh iaitu *Mir'ah Al-Tullab*.

Karya tasawuf Al-Singkili juga dijadikan objek kajian. Seperti naskhah *shai'ariyyah* karya Al-Singkili. Karya tersebut telah dikaji oleh Istadiyantha mahasiswa Pascasarjana Universitas Gadjah Mada tahun 1989 dalam tesisnya yang bertajuk *Syathariyah; Suntingan Naskhah dan Analisis Fungsi*. Pada tahun 1995 pula, Muhammad Abdullah mahasiswa Fakultas Sastra Universitas Indonesia juga mengkaji naskhah yang sama dalam tesisnya yang bertajuk *Doktrin Wahdah al-Wujud Ibnu*

'Arabi dalam Naskhah Syathariyah (Suntingan dan Kajian Isi teks). Abdullah cuba melengkapkan hasil penelitian Istadiyantha. Hal ini kerana, Abdullah telah menambah satu lagi naskhah *shaġariyyah* versi bahasa jawa yang ditemui di Cirebon. Sebagai tambahan daripada dua naskhah berbahasa Melayu, ML 349 dan MI 336 yang dijadikan objek kajian Istadiyantha. Di samping itu, Abdullah juga mengkaji isi naskhah tersebut. Abdullah mendapati bahawa ajaran Al-Singkili adalah ajaran *waġdah al-wujġd* Ibn Arabi dan teks dhikirnya masih diamalkan di Kraton Kanoman dan Kasepuhan Cirebon serta di Pondok Pesantren Benda Cirebon.

Masih dalam bidang tasawwuf, karya Al-Singkili dalam bahasa Arab yang bertajuk *Tanbġh Al-Mġshġ Al-Mansġb Ilġ Īarġq Al-Qushashġ "TMMTQ"* (*Petunjuk bagi orang yang menempuh tariqat al-Qushashġ*) juga menarik minat para pengkaji. Dua Naskhah yang terdapat di Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI), MS A 101 dan MS A 655 banyak dijadikan objek kajian. Pada tahun 1975, Muhammad Badri menulis tesis pada Fakultas Sastra Universitas Indonesia dengan tajuk *Tanbih al-Masyi*. Dalam kajiannya beliau menggunakan satu naskhah MS A 101. Selain itu, pada 1995 Encep Nur Wahidin, iaitu mahasiswa Fakultas Adab IAIN Jakarta menulis tesis dalam bahasa Arab mengenai dua naskhah *Tanbġh al-Mġshġ*.

Selain dua kajian di atas, penelitian terhadap naskhah *Tanbġh Al-Mġshġ* dilakukan semula oleh Oman Fathurrahman mahasiswa Fakultas Ilmu Satera Program Pascasarjana Universitas Indonesia., pada tahun 1998. Tesisnya bertajuk *Tanbih al-Masyi al-Mansub Ila Thariq al-Qusyasyiy; Tanggapan al-Singkili terhadap kontroversi doktrin wujudiyah di Aceh Abad XVII (Suntingan teks dan analisis isi)*. Kajian yang terbaru, ialah pada tahun 2004 yang mana telah dikaji oleh Syamsul Bahri mahasiswa Program Pascasarjana Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta. Tesisnya bertajuk *Tasawuf Abd Rauf Singkel dan Paham Wujudiyah dalam Karyanya*

Tanbih al-Masyi Perbezaan daripada dua kajian tersebut dapat dilihat pada pendekatan yang digunakan oleh peneliti. Oman menggunakan pendekatan filologis untuk menghasilkan edisi teks dan pendekatan intra teks untuk mengetahui gambaran secara jelas ajaran Al-Singkili dalam *TanbĒh al-MĒshĒ*.⁶ Berbeza pula dengan Syamsul yang menggunakan pendekatan kesufian dan filosofis untuk mengetahui kesahihan isinya.⁷

Perbezaan dalam pendekatan yang digunakan membawa kepada hasil kajian yang berbeza. Oman mendapati bahawa naskhah Leiden dengan kod Or. 7031 (C) adalah naskhah yang terbaik antara naskhah-naskhah yang dijumpainya. Selain itu Oman juga menyatakan bahawa teks tersebut mengandungi ajaran Al-Singkili dalam bidang tasawwuf yang meliputi aqidah, syari'ah, tarekat, hakikat dan ma'rifat.⁸ Berbeza pula dengan penemuan Syamsul yang lebih menyentuh kepada maksud isi. Selain mendapati bahawa Al-Singkili sebagai ulama yang moderat dan berfahaman sunni, Syamsul juga mendapati bahawa konsep tasawufnya adalah *tauĒd al-Īaq, WaĒdah Al-ShuhĒd, Al-Fana', Al-Baqā', Al-ManĒzil* yang dapat dicapai dengan melakukan ritual *ĪarĒqah shaĒriyyah* yang disebut *AshghĒl ShaĒriyyah*.⁹ Kedua-dua penemuan tersebut sedikit banyak telah menunjukkan ketokohan Al-Singkili yang dapat dilihat menerusi karyanya *TanbĒh al-MĒshĒ*.

Karya lain al-Singkili yang menjadi kajian adalah *Tarjuman al-MustafĒd. Al-MustafĒd* merupakan karya pertama beliau mengenai tafsir, bahkan juga merupakan karya tafsir terawal yang dihasilkan oleh ulama Nusantara. Karya tersebut telah diteliti oleh Peter Gregory Riddell pada tahun 1980 yang menulis tesisnya bertajuk '*Abd Rauf Al-Singkili's Tarjuman Mustafid: A Critical Study of His Treatment of Juz 16*'. Tesis

⁶ Oman Fathurrahman (1998) "*Tanbih al-Masyi al-Mansub ila Tariq Al-Qusyasyiy; Tanggapan al-Singkili Terhadap Kontroversi Doktrin Wujudiyah di Aceh pada Abad XVII (Suntingan teks dan Analisis Isi)*" (Tesis, Program Studi Ilmu Sastra, Pascasarjana, Universitas Indonesia), h. 6.

⁷ Syamsul Bahri (2004) "*Tasawuf Syaikh Abd Ra'uf al-Singkel dan Faham Wujudiyah dalam Karyanya Kitab Tanbih ila al-Masyi*" (Disertasi, Program Pascasarjana, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta), h. 9.

⁸ Oman Fathurrahman (1998) *Op.Cit.*, h. 198.

⁹ Syamsul Bahri (2004) *Op.Cit.*, h. 298-299.

tersebut disiapkan untuk memperoleh gelar Doktor Falsafah di Universitas Nasional Australia (UNA). Penyelidikan lain juga dilakukan oleh Salman Harun pada tahun 1988. Salman Harun menulis tesisnya yang bertajuk *Hakikat Tarjuman Mustafid Karya Syeikh Abdur Rauf Singkel*. Tesis tersebut dibuat pada Program Pascasarjana IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

Menurut Ervan Nurtawab, kesimpulan yang dapat dibuat daripada kedua-dua kajian tersebut menunjukkan bahawa bahwa *Tarjuman Al-Mustafid* adalah terjemahan (*translation*) dengan menjadikan *Al-JalÉlain* sebagai rujukan utama. Berbeza pula dengan A.H. John yang mengatakan bahawa *Tarjuman al-Mustafid* bukanlah terjemahan (*translation*), namun huraian (*commentary*).¹⁰ Oleh itu, Ervan Nurtawab mahasiswa program Pascasarjana Universiti Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah Jakarta berminat untuk mengkaji *Tarjuman al-Mustafid*, daripada pandangan yang lain. Tesisnya siap pada tahun 2007 bertajuk *Discourse on Translation in Hermeneutics: Its Application to The Analysis of Abdurra'uf's Tarjuman al-Mustafid*. Ervan mendapati *Tarjuman Al-Mustafid* dilihat daripada teori penterjemahan secara hermeneutic (*interpretation in hermeneutic*) merupakan upaya melakukan semua proses penafsiran (*interpreting*) dan penterjemahan (*translation*) terhadap al-Qur'an. Maka boleh disebut juga proses penafsiran.¹¹

Daripada beberapa kajian yang telah dilakukan, menunjukkan bahawa Al-Singkili merupakan ulama yang berpengetahuan luas dan menguasai perbagai disiplin ilmu Islam. Hampir keseluruhan karya Al-Singkili sama ada fiqh, tasawuf, dan tafsir telah menjadi objek kajian. Begitu juga dalam bidang hadith. Karyanya yang bertajuk *Syarí LaÉf 'alÉ 'Arba'Éna ×adÉthan li al-ImÉm al-NawÉwÉ* telah dikaji oleh Ahmad

¹⁰ Ervan Nurtawab (2007) "*Discourse on Translation in Hermeneutics: Its Application to The Analysis of Abdurra'uf's Tarjuman Al-Mustafid*" (Disertasi, Program Pascasarjana, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta), h. 114.

¹¹ *Ibid.*, h. 116.

Baha' bin Mukhtar, iaitu seorang Mahasiswa Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, pada tahun 2008. Dalam kajian tersebut Ahmad Baha' memfokuskan kepada keupayaan menterjemah daripada tulisan melayu jawi kepada melayu rumi. Di samping itu, Ahmad Baha' memberikan beberapa huraian berkaitan dengan topik perbahasan yang banyak dibahasakan di dalamnya. Selain itu Ahmad Baha' juga menemui bahwa topik perbahasan dalam karya tersebut adalah berkaitan dengan masalah tasawwuf. Manakala syarahan Al-Singkili terhadap hadith-hadithnya banyak dipetik daripada kitab *Syarí Arba'Ên* oleh Syeikh Sa'ad al-Din al-Taftazani.¹²

Namun begitu, karya Al-Singkili dalam bidang hadith yang bertajuk *MawÉ'iÐ al-BadÉ'* belum pernah lagi dikaji secara mendalam. Seperti Wan Mohd. Shaghir Abdullah dalam bukunya *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, jilid I. Karyanya ini adalah bertujuan memperkenalkan ulama Asia Tenggara mengenai karya-karya mereka. Dalam karya beliau yang berbentuk seperti ensiklopedia tersebut telah menjelaskan mengenai naskhah *MawÉ'iÐ al-BadÉ'*. Namun tulisan tersebut bersifat informasi dan tiada penilaian terhadap hadith, bahkan hanya menggunakan satu naskhah sahaja sebagai tumpuan.¹³ Demikian juga Azumardi Azra dalam bukunya *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. Azumardi Azra hanya memetik karya *MawÉ'iÐ al-BadÉ'* dalam satu parenggan sahaja tentang isi kandungan karya tersebut secara umum.¹⁴

¹² Ahmad Baha' bin Mukhtar (2008) "*Sharí LaÏÊf 'AlÉ Arba'Êna HadÊthan LÊ al-ImÉm Al-NawÉwÊ Karangan Syeikh Abd Rauf Al-Fansuri: Satu Kajian teks*" (Disertasi Sarjana Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur), h: 283 – 284.

¹³ W. Mohd. Shaghir Abdullah (1991) *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, jilid I, Kuala Lumpur; Khazanah Fathaniyah, h. 2 dan 73.

¹⁴ Azyumardi Azra (1995), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*, Bandung; Mizan, h. 84.

Kajian yang cukup menarik mengenai naskah *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* telah dilakukan pula oleh Syamsul Huda pada tahun 2001 yang bertajuk *Penulisan Kitab Hadith pada Pusat Kajian Islam di Nusantara pada Abad XVII*. Dalam kajiannya Syamsul Huda menggunakan kaedah filologi dan sejarah. Kajian tertumpukan kepada dua naskah koleksi Perpustakaan Negara Republik Indonesia dengan Kod ML. 323 dan ML. 341. Dalam kajian tersebut Syamsul Huda mendapati hadith yang terdapat dalam naskah *MawÉ‘iÐa al-BadÉ’* adalah berkaitan dengan *faÏÉil a ‘mÉl*. Penyusunan karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* – karya hadith terawal Nusantara – pada saat itu tidak lepas daripada semangat pengajian hadith di Timur Tengah yang sedang berkembang.¹⁵

Tahun 2002, Syamsul Huda dan Purwaka kembali mengkaji karya MB. Penelitiannya berjudul *Abdul Ra’uf al-Singkili; Studi Tentang Naskah Mawaiz al-Badi’ah*. Kaedah kajian yang digunapakai adalah filologi yang berfokus kepada keadaan fizikal naskah dan teks. Dengan lingkup kajian pada tajuk naskah, nombor naskah, ukuran dan keadaan kertas. Objek kajiannya adalah naskah tunggal, iaitu naskah dengan kod ML. 341 koleksi PNRI. Kajian mendapati bahawa naskah *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* tersebut terdapat pada kumpulan naskah yang telah ditulis oleh pengumpul naskah. Tajuk naskah, tidak dinyatakan pada kolofon tetapi dinyatakan di halaman isi yang pertama.¹⁶

Melihat kepada banyaknya kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana tentang Al-Singkili dan karya-karya beliau, khasnya karya hadith, tulisan pada buku Wan. Mohd Shaghir dan Azra adalah bersifat deskriptif informatif. Berbeza pula dengan dua kajian terakhir oleh Syamsul Huda dan Purwaka yang lebih komprehensif. Meskipun demikian pendekatan kajiannya adalah filologis yang fokus kepada aspek luaran.

¹⁵ Syamsul Huda “*Penulisan Kitab Hadith Pada Pusat Kajian Islam di Nusantara pada Abad XVII*” dalam *Jurnal Penelitian UNIB* Vol. VII, No. 2, Juli 2001, h. 116.

¹⁶ Syamsul Huda dan Purwaka “*Abdur-Ra’uf As-Singkili: Studi tentang Naskah Mawaiz Al-Badi’ah*” dalam *Jurnal Penelitian UNIB* Vol. VIII, No. 2, Juli 2002, h. 74.

Sedangkan aspek lain yang perlu dilakukan kajian adalah berkenaan dengan kaedah penulisan karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*. Maka kajian tersebut akan menjadi tumpuan kajian untuk mengetahui sumbangan Al-Singkili dalam bidang hadith selain penyusunan edisi kritikal teks jawi pilihan karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*. Memandangkan kajian karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* dari aspek ini dan usaha menyusun satu edisi kritikal juga belum dilakukan.

6. Metodologi Kajian

Bagi mencapai hasil yang tepat maka proses yang tepat diperlukan. Oleh yang demikian mengenal prinsip dan garis panduan untuk mencapai suatu pengetahuan, yang melibatkan penerimaan atau penolakan sesuatu cadangan atau idea tentang suatu bidang yang biasa disebut metodologi penyelidikan. Metodologi penyelidikan merupakan suatu kemestian sehingga suatu penyelidikan menjadi mudah difahami. Perlu ditekankan bahawa kajian ini adalah kajian teks dan dalam berinteraksi dengan teks beberapa proses yang harus dipenuhi, antaranya adalah analisis, kritik teks dan translitrasi.

6.1. Kajian Historis Analisis

Kajian ini mampu mengungkap Sumbangan Abdul Ra’uf Al-Singkili dalam bidang hadith. Maka kajian historis analisis akan dilakukan yang mana dimulakan dengan pengumpulan data seterusnya data tersebut dianalisis.

6.1.1. Metode Pengumpulan Data

Merupakan teknik yang digunakan dalam mengumpulkan data guna dianalisis dalam sesuatu kajian.¹⁷ Dalam usaha tersebut beberapa kajian telah dilakukan, antaranya;

a. Kajian Pustaka

Kajian pustaka adalah penyelidikan yang dijalankan dengan mengumpulkan data yang terdapat pada sumber-sumber data seperti perpustakaan.¹⁸ Oleh kerana data utama kajian ini adalah manuskrip *MawÉ 'iD al-BadÉ'* dan beberapa data penting lainnya yang dikesan di beberapa perpustakaan. Maka kajian ini boleh disebut sebagai kajian pustaka. Sehingga kajian ini dilakukan dengan mengunjungi beberapa perpustakaan dan pusat kajian Asia Tenggara di beberapa Negara.

b. Metode Sejarah

Metode sejarah adalah kajian secara sistematik kejadian yang telah berlaku untuk menentukan peristiwa masa lalu yang sebenar dengan pengumpulan data dan penilaian secara objektif guna menjelaskan kejadian tersebut.¹⁹

Dengan kaedah ini diharapkan mampu mengungkap beberapa fakta mengenai Al-Singkili, sama ada aspek sosial, politik, kemasyarakatan, keagamaan dan ilmu

¹⁷ Burke Johnson dan Lary Christensen (2000) *Education Research: Quantitative and Qualitative Approaches*, London: Allyn and Bacon, h. 126.

¹⁸ J. Supranto (1986) *Kaedah Penyelidikan: Penggunaanya Dalam Pemasaran*, Ismail Rejab dan Nik Rahimah Nik Yacob (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c. 1, h. 9.

¹⁹ Burke Johnson dan Lary Christensen (2000) *Op.Cit.*, h. 342. Bandingkan dengan L.R. Gay (1987) *Educational Research: Competencies for analysis and Application*, New York: Mac Millan, c. 3, h. 179.

pengetahuan. Seterusnya melihat sejarah kehidupan al-Singkili yang berhubungkait dengan aspek keilmuan dan sosial kemasyarakatan.

c. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi adalah usaha menghimpun atau mengumpul bahan atau dokumen bagi sesuatu kajian.²⁰ Dokumen tersebut boleh berupa bahan bertulis atau bercetak yang dijadikan bukti atau keterangan yang sah tentang sesuatu perkara seperti surat-surat peribadi, surat khabar, buku-buku catatan, laporan-laporan dari jabatan kerajaan, persatuan dan lain-lain.

Metode ini diharapkan mampu memperolehi data-data yang dapat membantu dalam melengkapkan kajian ini khasnya bagi mengetahui hakikat dan metodologi karya *MawÉ‘iD al-BadÉ‘*. Data boleh berbentuk makalah, jurnal, kertas persidangan, kertas kerja, tesis, disertasi, dan beberapa tulisan yang berkaitan. Namun dalam kajian ini data banyak ditumpukan kepada beberapa manuskrip yang telah dikesan.

6.1.2. Metode Analisis Data.

Setelah data-data terkumpul melalui metode di atas, maka proses analisis dilakukan. Analisis tersebut dilakukan dengan metode-metode berikut;

a. Metode Induktif

Metode induktif iaitu usaha penghuraian yang membawa kepada pencapaian satu kesimpulan dari data-data yang bersifat khas.²¹ Metode ini digunakan untuk menganalisa dengan cara melihat secara menyeluruh sumbangan dalam bidang hadith

²⁰ Sheikh Osman Sheikh Salim (ed.) (1992) *Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c. 3. h. 1238.

²¹ *Ibid.*, h. 452.

tokoh yang dimaksudkan dalam kajian ini. Metode ini diaplikasikan dalam bab kedua yang membahaskan tentang riwayat hidup al-Singkili dan ketokohnya dalam ilmu-ilmu keislaman. Selain itu metode ini juga digunakan untuk menganalisis metode penyusunan karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* yang diaplikasikan pada bab keempat.

b. Metode Deduktif

Metode deduktif iaitu usaha memperoleh pengetahuan dengan terlebih dahulu membuat kenyataan yang bersifat umum tentang suatu fenomena yang disusuli dengan penyajian pernyataan yang bersifat khusus tentang fenomena tersebut.²² Metode ini digunakan dalam usaha melihat nisbah karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* pada bab ketiga. Dimulai dengan membuat suatu kesimpulan umum tentang naskah *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’*. Seterusnya membuat kesimpulan yang lebih khas berdasarkan data-data dan fakta-fakta yang diperolehi.

c. Metode Komparatif

Metode ini merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi selama masa kajian. Metode ini digunakan dalam membuat perbandingan terhadap beberapa pendapat yang berotoriti. Dimulakan dengan mengumpul data hasil penelitian, seterusnya dibuat perbandingan dan kesimpulan.

Metode ini akan banyak diaplikasikan dalam bab ketiga untuk mengetahui keistimewaan karya *MawÉ‘iÐ al-BadÉ’* serta beberapa kekurangan yang terdapat dalam karya tersebut.

²² Deobold P Van Dalen (1993) *Memahami Penyelidikan Pendidikan*, Abdul Fatah Abdul Malik dan Mohd. Majid Konting (terj.), Selangor: Universiti Pertanian Malaysia, c. 3. h. 9.

6.2. Kajian Kritik Teks.

Dalam bahagian kedua, kajian ini akan dilakukan proses kritik teks. Pendekatan filologi akan digunapakai. Filologi dalam bahasa Arab adalah ilmu *taÁqÊq al-nuÎÊÎ*. Az-Zamakhsari dalam karyanya *Al-AsÊs al-BalÊghah* yang diambil oleh Nabilah menyatakan bahawa *taÁqÊq* sebuah teks atau *naÎ* adalah melihat sejauh mana hakikat kebenaran yang terkandung dalam sesuatu teks.²³ Dalam metode ini beberapa langkah yang perlu diambil, antaranya;

7.2.1. Pengumpulan Naskhah.

Pada bahagian ini dimulakan dengan mencatat naskhah dan teks cetakan daripada tajuk yang telah dipilih yang terdapat pada katalog yang terdapat di beberapa perpustakaan dan beberapa pusat-pusat pengajian Asia Tenggara di seluruh dunia. Selain yang masih tersimpan dalam koleksi individu. Dalam usaha mengesan naskhah *MawÊ'id al-BadÊ'* beberapa katalog telah dirujuk di antaranya;

- a. T.E. Behrend (1998) *Katalog Induk Naskhah-Naskhah Nusantara Perpustakaan Nasional Republik Indonesia*, jilid 4, Jakarta; Yayasan Obor Indonesia dan ECOLE FRANCAISE D' EXTREME ORIENT (EFDO).
- b. Ali Haji Wan Mamat, Hj Wan (1985) *Katalog Manuskrip Melayu di Belanda*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negeri Malaysia.
- c. _____ (1990) *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Satu Katalog Ringkas*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

²³ Nabilah Lubis (1996) *Naskah, Teks dan Metodologi Penelitian Filologi*, Jakarta: Penerbit Yayasan Medio Alo Indonesia, h. 15.

Selepas mendapatkan salinan naskhah yang dimaksudkan, usaha seterusnya yang perlu dilakukan adalah menyusun diskripsi naskhah-naskhah yang dijumpai dengan cara terperinci dan teratur. Kemudian disusuli dengan pemberian kod pada setiap naskhah yang telah berjaya di kesan.²⁴ Ini dilakukan untuk membantu proses pemilihan naskhah yang akan dijadikan dasar edisi.

7.2.2. Perbandingan Teks.

Setelah mengesan beberapa naskhah yang dimaksudkan, tugas seterusnya adalah menentukan naskhah induk yang akan dijadikan tumpuan dalam menghasilkan edisi kritikal teks. Perkara ini dilakukan apabila mendapati bahwa naskhah yang diteliti memiliki banyak salinan. Beberapa kriteria teks yang boleh dijadikan dasar dalam menentukan naskhah induk, antaranya;

- a. Isinya lengkap dan tidak menyimpang daripada kebanyakan isi naskhah-naskhah yang lainnya.
- b. Tulisannya jelas dan mudah dibaca.
- c. Keadaan naskhah baik dan utuh.
- d. Sesuai dengan sumber dan fakta.
- e. Bahasanya baik dan mudah difahami.
- f. Umur naskhah lebih tua (meskipun tidak harus tertua).
- g. Menggambarkan apa yang diinginkan oleh pengarangnya.²⁵

7.2.3. Edisi Kritikal Teks.

²⁴ Nabilah Lubis (2006) *Op.Cit.*, h. 67.

²⁵ *Ibid.*, h. 72-73.

Setelah melalui proses perbandingan teks dan mendapati satu naskhah induk yang akan menjadi tumpuan, seterusnya menyediakan edisi kritikal. Pada bahagian ini mengupayakan suatu penilaian terhadap teks, meneliti dan menempatkan teks pada tempatnya yang tepat. Kegiatan ini bertujuan untuk menghasilkan teks yang hampir sama dengan teks aslinya.²⁶ Dimulai dengan menyalin kembali seluruh teks daripada naskhah induk diteruskan dengan pengamatan dari huruf ke huruf dengan teks pada naskhah lain. Apabila mendapati terdapat perbezaan bacaan maka mencatatkannya sebagai nota kaki. Dalam kajian yang menggunakan naskhah dengan tulisan melayu jawi maka mengekalkan tulisan tersebut adalah digalakkan. Ini kerana tulisan tersebut merupakan satu kebudayaan yang bernilai tinggi dan perlu di jaga dan dilestarikan.²⁷

Dalam naskhah yang ditulis dengan melayu jawi, kebiasaanya tidak disertakan tanda bacaan seperti titik, koma, huruf besar dan kecil dan lain-lain. Hinggakan menghadapi kesulitan untuk membaca dan mengetahui kesatuan cerita. Oleh yang demikian beberapa langkah yang akan dilakukan dalam hal ini antaranya, menyusun kalimat yang jelas dengan menyertakan tanda baca yang teliti serta pembahagian perenggan dan bab sehingga dapat menyediakan teks yang mudah dibaca dan difahami.²⁸

Demikian langkah-langkah yang akan dilalui dalam kajian ini. Sehingga mampu menghasilkan satu kajian yang baik dan memberi manfaat kepada pengkaji lain.

8. Sistematika Penulisan

²⁶ Siti Baroroh Baried *et. al.* (1994) *Op.Cit.*, h. 61.

²⁷ Wan Suhaimi Wan Abdullah (2005) “*Kajian Manuskrip al-Mu'tabar fi Al-Hikmah (Kitab Al-Nafs) Karya Abu Al-Barakat Al-Baghdadi (547 H/1152 M): Ke arah suatu kaedah suntingan ilmiah warisan manuskrip Melayu-Islam*”, AFKAR; Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam, bil. 6 Rabi'ul Al-Awwal 1426/ Mei 2005, hal. 297.

²⁸ Nabilah Lubis (1996) *Op.Cit.*, h. 73.

Bagi menyediakan satu kajian yang mesra pembaca maka perlulah bersifat sistematik. Untuk itu kajian ini akan dibahagikan kepada beberapa bab, iaitu;

Bab pertama pendahuluan yang mengandungi latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, tinjauan pustakaan, metodologi kajian dan sistematika penulisan.

Bab kedua menghuraikan tentang biografi Abdul Ra'uf al-Singkili (1615-1693 M). Bab ini akan membahaskan tentang keadaan sosial masyarakat Aceh pada masa al-Singkili. Kemudian dilanjutkan dengan penjelasan tentang riwayat hidup al-Singkili. Akhirnya, sebelum penutup dihuraikan ketokohan beliau dalam ilmu-ilmu Islam dan sumbangannya dalam bidang hadith.

Bab ketiga menghuraikan hakikat *MawÉ'iÐ al-BadÊ'* yang mengandungi huraian mengenai kewujudan naskhah tulisan tangan (manuskrip) dalam beberapa pusat pengajian Islam dan beberapa edisi bercetak karya *MawÉ'iÐ al-BadÊ'*. Seterusnya pengenalan karya *MawÉ'iÐ al-BadÊ'* yang meliputi jumlah kitab, tajuk kitab, tahun penulisan dan hubungan al-Singkili dengan karya *MawÉ'iÐ Al-BadÊ'* yang meliputi isi kandungan dan topik perbahasan di dalamnya.

Bab keempat menghuraikan metodologi *MawÉ'iÐ al-BadÊ'*. Mengandungi metode penyusunan, *TarÉjum al-AbwÉb*, metode penulisan hadith, keistimewaan karya dan kesimpulan.

Bab kelima edisi kritikal teks jawi pilihan *MawÉ'iÐ al-BadÊ'* yang mengandungi sumber edisi metode dan simbol edisi kritikal dan edisi kritikal teks jawi pilihan *MawÉ'iÐ al-BadÊ'*.

Bab keenam penutup, mengandungi kesimpulan dan saranan.